

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT]

TARIKH : 21 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam mengembangkan lagi Projek Tenusu Kambing di bawah Dana Penyelidikan KPT, setelah pembentangan laporan akhir diadakan pada penghujung tahun 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek dengan izin *Translational Research* kambing tenusu bertajuk *Innovative Approach for Community Dairy Farm to Enhance the Value of Goat's Milk* telah dijalankan oleh Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bermula daripada 1 Mei 2018 dan tamat pada 30 April 2019. Projek bernilai RM528,301.89 ini dibiayai KPT di bawah Dana Penyelidikan. Projek ini dilaksanakan bagi menginovasi amalan penternakan kambing tenusu di ladang komuniti. Penyelidikan komprehensif ini melibatkan pembiakan baka kambing tenusu kepada petani bagi meningkatkan pengeluaran dan kualiti nutrisi susu kambing melalui penambahbaikan aspek pemakanan, kandang kambing dan pemantauan melalui penggunaan aplikasi teknologi maklumat.

Projek penyelidikan ini telah tamat sepenuhnya dan pihak UniSZA telah mengemukakan laporan akhir pada 8 Oktober 2019. Pihak UniSZA boleh mengemukakan kertas cadangan sekiranya mempunyai perancangan untuk mengembangkan lagi projek ini pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.